

Geran tak dapat, rumah rosak

37 keluarga di Kampung Fatimah kesal permohonan mereka masih belum diberi perhatian

BANDARSUNGAIEMAS

- Seramai 37 keluarga di Kampung Fatimah, di sini kesal apabila permohonan mereka untuk memiliki geran tanah individu masih tidak mendapat maklum balas.

Sinar Harian difahamkan, permohonan sudah pun dibuat kepada semua pihak termasuk kerajaan negeri namun tiada langkah diambil sehingga kini.

Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Fatimah, M Gunasekaran berkata, selain masalah pemilikan geran, penduduk yang tinggal kira-kira 30 meter bersebelahan kawasan sungai juga memohon agar pihak berkaitan dapat memperkukuhkan



KASIAMMAL

tebing sungai berikutan kediaman mereka mengalami keretakan serius.

"Saya sendiri sudah panjangkan perkara ini kepada kerajaan negeri mahupun Kementerian Sumber Asli supaya segerakan per-



RAMASAMY

untukkan RM1.5 juta untuk memperkukuhkan tebing sungai pada tahun lalu tapi sampai sekarang masih belum dapat sebarang maklum balas daripada mereka," katanya kepada *Sinar Harian*.

Seorang penduduk yang

juga orang kurang upaya (OKU), P Ramasamy, 56, berkata, penduduk dimaklumkan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyekat kelulusan memperkukuhkan tebing tersebut kerana kawasan penempatan penduduk berada di dalam kawasan 50 meter dari tebing sungai.

"Kami sendiri hairan mengapa pihak berkenaan tidak beri kelulusan segera dan biarkan permohonan penduduk yang terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah," katanya.

Bagi seorang warga emas, M Kasiammal, 65, berkata, keluarganya antara 37 unit rumah di kawasan itu yang masih belum mendapat ge-

ran tanah.

"Saya risau sudahlah geran tak dapat, rumah pula makin teruk sejak setahun lalu. Boleh dikatakan sebahagian besar dinding rumah dah rosak.

"Kita nak baik, tapi takut sebab tak tahu bila geran boleh dapat. Harap pihak berkenaan dapat percepatkan proses berkaitan atau berikan kata putus mengenai masalah kami di sini," katanya.

Difahamkan, penduduk yang juga bekas pekerja ladang Annkiat itu telah menetap di situ sejak 1993 dan menggunakan Sijil Layak Menduduki Sementara (TOL).

Namun sehingga kini masih tiada apa-apa keputusan dibuat walaupun pernah dimaklumkan mereka sudah boleh menerima geran namun mendapat bantahan daripada pihak tertentu.

Sementara itu, Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, V Ganabatrau berkata, beliau tidak menafikan masalah 37 bekas pekerja ladang berkenaan telah membuat permohonan kepada pelbagai pihak namun masih tiada tindakan diambil.

"Tidak dinafikan syarat kedudukan tanah tidak boleh 50 meter dari kawasan tebing sungai turut menjadi salah satu faktor mereka masih belum dapat geran.

"Tapi kita masih melihat apa lagi syarat dan akan meneliti segala tuntutan penduduk supaya mereka ini dapat memiliki geran dengan segera," katanya.



Gunasekaran menunjukkan tebing sungai yang berhampiran dengan rumah penduduk